KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **10 NOVEMBER 2023**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 29

Persediaan hadapi MTL yang dijangka bermula Sabtu ini

# Boleh simpan barangan kawalan lebih 30 peratus

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan membenarkan pemborong serta peruncit menyimpan bekalan makanan lebih 30 peratus daripada had sedia ada sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula Sabtu ini.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, pendekatan itu bertujuan memastikan keberadaan bekalan barangan makanan terutama kawalan dan keperluan asas sentiasa mencukupi, mudah diperoleh serta dijual pada harga berpatutan sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan.

"Kebenaran ini melibatkan 39 pemborong dan 39 peruncit terpilih di daerah yang berhampiran dengan kawasan berisiko banjir.

"Selain itu, KPDN telah mengadakan sesi libat urus dengan pengeluar, pemborong, pengimport, persatuan dan agensi kerajaan terlibat dengan mengadakan mesyuarat bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menghadapi banjir di negeri ini," katanya semasa sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum itu beliau turun padang meninjau pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali 2023 di sini.

Menurutnya, bilik gerakan juga diaktifkan bermula jam 8 pagi hingga 10 malam di Pasir Mas, Gua Musang, Kuala Krai dan Tanah Merah untuk menerima sebarang aduan berkaitan bekalan barangan asas.



Azman (depan, dua dari kiri) turun padang meninjau pematuhan skim harga maksimum musim perayaan Deepavali 2023 di sebuah pasar raya di Kota Bharu pada Khamis.

Ujarnya, tindakan secara tuntas tanpa kompromi terhadap peniaga yang menyorok, enggan menjual dan menyeleweng serta menjual melebihi harga maksimum akan dilaksanakan.

Tambah beliau, pihaknya akan mengambil tindakan yang relevan bagi memastikan bekalan barangan kawalan dan keperluan asas sentiasa berada dalam pasaran serta mengawal mengikut harga yang berpatutan dalam bencana banjir ini.

"Pengguna tidak perlu resah dengan membuat pembelian secara banyak atau melebihi kawalan kerana bekalan barang kawalan dan keperluan asas sentiasa mencukupi.

"Peniaga juga diingatkan agar tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga jualan masing-masing atas pelbagai alasan dan mematuhi perundangan yang ditetapkan kerajaan serta beretika dalam perniagaan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 25




**MURAH...** Seorang pekerja Pasaraya Econsave Alma, Bukit Mertajam menunjukkan ayam yang dijual dengan harga RM6.99 sekilogram.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang melancarkan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023 yang berkuat kuasa mulai Khamis sehingga 15 November ini.

Sebanyak lapan jenis barangan dikawal, antaranya daging kambing biri-biri bertulang import, tomato, cili merah, kelapa biji, kelapa parut, bawang merah kecil India, bawang merah besar import dan kacang dhal (Australia).

# Bisnes




## *Persediaan Deepavali*

DAGING kambing Australia kiub beku dijual dengan harga RM21.99 sekilo sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023 di Pasar Raya Lulu Hypermarket di Kuala Lumpur, semalam. Pelaksanaan SHMMP Deepavali 2023 ini berkuat kuasa bermula semalam sehingga 15 November ini.

# Peruntuk RM225 juta bagi Program Penyeragaman Harga 2024

**Kerajaan** memperuntukkan sebanyak RM225 juta pada tahun depan bagi pelaksanaan Program Penyeragaman Harga (PPH) bertujuan memastikan penduduk di kawasan pedalaman dapat menikmati harga tujuh barangan kawalan yang ditetapkan.

Pemangku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata tujuh barangan kawalan terbabit ialah beras, gula, tepung gandum, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan akan meningkatkan lokasi pusat jualan PPH di enam negeri, iaitu Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang kepada 1,727 berbanding 1,061 kini.

"Menerusi PPH, ia memberi peluang kepada penduduk di kawasan pedalaman untuk membeli tujuh barangan itu pada harga kawalan dan harga sama seperti di bandar atau pekan terdekat apabila kita menanggung kos pengangkutan.

"Secara keseluruhan, program ini berjaya mengawal harga tujuh barangan itu di kawasan terbabit. Sebagai contoh, harga LPG satu tong 14 kilogram (kg) di Zon Pensiangan ialah RM65 sebelum pelaksanaan program ini. Namun, selepas program ini dilaksanakan, LPG itu dijual hanya pada harga RM26.60 satu tong," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Riduan Rubin (BEBAS-Tenom) mengenai keberkesanan pelaksanaan PPH dalam menangani kos sara hidup penduduk di kawasan pedalaman, terutama di Sabah.

Menjelaskan lanjut, Armizan berkata, pelaksanaan PPH memberikan implikasi kewangan sebanyak RM93 juta terhadap kerajaan pada 2009 dan meningkat kepada RM225 juta bagi tahun ini dan tahun depan.

Menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) sama ada terdapat cadangan memperluas senarai barangan dimasukkan ke dalam PPH pula, Armizan berkata, perkara itu perlu mengambil kira aspek ruang fiskal yang ada terlebih dahulu.

"Kita akan mengambil kira berdasarkan ruang fiskal yang ada sekiranya ia boleh diperluaskan kepada barangan lain.

"Ada kawasan tertentu yang lokasi pusat jualannya dianggap sudah 'graduate' berikutan mempunyai akses jalan raya dan liputan bekalan lebih dekat.

"Mungkin kawasan itu akan dikeluarkan daripada senarai dan kita boleh mempertimbang untuk memasukkan senarai barangan lain dalam program ini," katanya.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 6

# 'RM265 juta bagi penyeragaman harga'

KUALA LUMPUR – Peruntukan RM40 juta telah disediakan kerajaan bagi melaksanakan Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan serta RM225 juta bagi Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan Community Drumming pada 2024.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, dua program berkenaan merupakan dua komponen khusus Program Penyeragaman Harga yang dilaksanakan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Pemangku Menteri KPDN itu berkata, program itu dilaksana sebagai sebahagian daripada langkah intervensi untuk menangani isu perbezaan besar harga barangan asas dengan kawalan harga di pedalaman berbanding kawasan lain.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Riduan Rubin (**Bebas-Tenom**) mengenai keberkesanan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga dalam menangani kos sara hidup penduduk di pedalaman terutamanya di Sabah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 8

# 'Price control efforts in interior a success'

**THE** Domestic Trade and Cost of Living Ministry has declared success in controlling prices for seven essential items across inland areas in six states via the Price Standardisation Programme.

Its acting minister, Datuk Armizan Mohd Ali said the programme, which addresses significant price variations, covers rice, sugar, wheat flour, cooking oil, LPG, Petrol Ron95 and diesel.

"For 2024, the government has allocated RM225 million towards the distribution programme for essential goods, LPG and community drumming.

"Since 2009, the programme has been in place to tackle substantial price variations of essential items in inland areas through the control of prices, thereby addressing disparities between regions.

"That includes covering transportation costs for the seven subsidised items from suppliers to inland areas in six states — Sabah, Sarawak, Kedah, Kelantan, Terengganu and Pahang.

"This helps ensure that residents in the interior can purchase these items at the controlled prices mentioned, equivalent to prices in nearby towns or markets," he said.

Armizan highlighted the success in areas like the Tenom parliamentary constituency, specifically the Tomani and Melalap zones, where LPG prices would range from RM38 to RM40 per cylinder without the initiative.

The government, he said, has increased the number of point-of-sale areas from 1,601 to 1,727 for 2024, with the considerations to exclude areas with improved access and supply coverage while potentially adding other goods in the future.

"I welcome feedback from the members of parliament if there are areas that need to be considered for inclusion in the list, allowing public access to price-controlled goods," Armizan said in reply to a question from Riduan Rubin (independent-Tenom).



*Acting Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali replying to a question from the Tenom member of parliament in Dewan Rakyat, yesterday.* BERNAMA PIC

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 10/11/2023

M/SURAT: 11

CAMPUR PRODUK HALAL DENGAN TIDAK HALAL

# KPDN sita premis pemborong makanan

**Kota Kinabalu:** Sebuah premis pengimport dan pemborong makanan sejuk beku di Sandakan dikesan menyimpan produk halal yang bercampur dengan produk sejuk beku tidak halal.

Perbuatan pemilik premis terbabit terbongkar hasil serbuan anggota penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Cawangan Sandakan, Azdy Zukkry John berkata, pemeriksaan mendapati premis terbabit menyimpan daging ayam dan itik bercampur daging babi sejuk beku dengan berat keseluruhan 864 kilogram.

"Hasil serbuan mendapati premis terbabit menyimpan produk halal yang bercampur dengan produk tidak halal, iaitu terdiri daripada daging ayam, itik dan babi.

"Berikutan itu, kita menyita premis terbabit dan merampas semua 864 kilogram produk sejuk beku dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM17,302," katanya dalam kenyataan, di sini.

Operasi Bersepadu Halal itu dilaksanakan KPDN Cawangan Sandakan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah dan Pejabat Kesihatan Kawasan Sandakan.

Katanya, siasatan dibuat mengikut peruntukan Perintah 3 Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011.

Harian Metro
HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 12

# Berlumba-lumba jual ayam harga murah

**Bukit Mertajam:** Penamatan subsidi dan kawalan harga ayam oleh kerajaan menyaksikan peniaga sekitar Pulau Pinang berlumba-lumba menjual komoditi itu pada harga rendah.

"Sebelum ini, harga siling ditetapkan kerajaan adalah RM9.40 sekilogram.

"Kini, ada yang menjual pada harga RM7.80 sekilogram, kemudian RM7.50 dan ada juga RM6.99 sekilogram. Kita harap persaingan sihat ini berterusan sekali gus memberi manfaat kepada rakyat," kata Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup negeri, S Jegan.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) di Pasaraya Econsave Alma, di sini, semalam.

Jegan berkata, pihaknya sehingga kini tidak menerima sebarang aduan sepanjang tempoh harga ayam diapungkan susulan penamatan subsidi berkenaan.

"Bermula 1 November lalu, pasukan pemantau harga turun padang menjalankan pemantauan di pasar awam dan pasar raya di sekitar negeri ini. Kita belum pernah terima apa-apa aduan (berkenaan harga ayam mahal).

"Hasil pemantauan, harga ayam lebih rendah. Kebanyakan pasar raya juga berlumba-lumba merendahkan harga ayam," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: JUMAAT

TARIKH: 10/11/2023

M/SURAT: 12

# Kilang madu guna logo halal palsu

**Nilai:** Sebuah kilang menghasilkan madu menggunakan logo halal palsu di Kawasan Perindustrian Nilai di sini, disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan, semalam.

Pengarah KPDN Negeri Sembilan, Muhammad Zahir Mazlan berkata, tindakan hasil operasi bersepadu yang dijalankan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, pemeriksaan awal mendapati premis memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) bagi produk jus limau.

"Namun hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis menggunakan logo halal pada produk madu yang dikeluarkan tanpa kebenaran pihak berkuasa berwibawa.

"Tindakan kes diambil terhadap premis mengikut Peraturan 8 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 kerana melanggar Peraturan 4(1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya dalam serbuan membabitkan tujuh anggota Penguat kuasa KPDN, lapan Pegawai KKM dan empat pegawai JHEAINS.

Menurut Muhammad Zahir lagi, KKM juga mengeluarkan kompaun bagi kesalahan tidak menyedia dan mengadakan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan kesalahan gagal menyediakan Rekod Latihan Pengendali Makanan.

"Selain turut diarahkan tutup mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983. JHEAINS juga mengesyorkan SPHM premis ini digantung dan ditarik," katanya.



PEMERIKSAAN di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Nilai yang dikesan menggunakan logo halal palsu pada produk madu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/11/2023
M/SURAT: 19

# Sorok 2,000l diesel sambil kaut ikan

## *APMM tahan bot diubah suai dengan 2 tangki khas*

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

**Tanjong Karang**

Ubah suai bot nelayan dengan dilengkapi tangki khas bagi membolehkan diesel subsidi disorok dan dijual kepada pihak ketiga.

Kegiatan haram itu yang turut didalangi nelayan upahan warga Myanmar terbongkar apabila sepasukan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor menahan sebuah bot di Kuala Sungai Burung di sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Maritim Selangor, Komander Maritim Mohd Sharenliza Ghazali berkata, terdahulu pihaknya mengesan bot yang melakukan aktiviti mencurigakan jam 2 petang.

"Pemeriksaan awal mendapati bot dikendalikan empat warga Myanmar berumur lingkungan 29 hingga 50 tahun.

"Turut ditemui dua tangki diubah suai di atas dek dan bahagian kemudi berisi lebih 2,000 liter minyak diesel," katanya.

Mohd Sharenliza berkata, pemeriksaan dokumen mendapati bot itu melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Perikanan 1985.

"Hasil soal siasat mendapati semua suspek dibayar gaji bulanan RM 1,000 dengan komisyen tambahan mengikut hasil tangkapan. Turut ditemui 500 kilogram ikan," katanya.

Beliau berkata, semua kru, bot dan hasil perikanan dibawa ke jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah sebelum diserah kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

> "Semua suspek dibayar gaji bulanan RM 1,000 dengan komisyen tambahan
> *Mohd Sharenliza*



ANGGOTA Maritim Malaysia Selangor memeriksa bot nelayan yang ditahan di sekitar Kuala Sungai Burung.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 10 NOVEMBER 2023 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 10-Nov | Peniaga ayam Pulau Pinang 'berlumba-lumba' jual murah - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/11/1028715/peniaga-ayam-pulau-pinang-berlumba-lumba-jual-murah-kpdn | HM |
| 10-Nov | Peniaga ayam di Pulau Pinang 'berlumba-lumba' jual murah - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1175120/peniaga-ayam-di-pulau-pinang-berlumba-lumba-jual-murah-kpdn | BH |
| 10-Nov | RM265 juta diperuntuk bagi dua komponen Program Penyeragaman Harga pada 2024 | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/rm265-juta-diperuntuk-bagi-dua-komponen-program-penyeragaman-harga-pada-2024-445343%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 10-Nov | RM265 juta diperuntuk laksana program penyeragaman harga | https://www.sinarharian.com.my/article/633795/berita/nasional/rm265-juta-diperuntuk-laksana-program-penyeragaman-harga | SH |
| 10-Nov | KPDN laksanakan dua komponen khusus Program Penyeragaman Harga | https://my.lifenewsagency.com/2023/11/09/kpdn-laksanakan-dua-komponen-khusus-program-penyeragaman-harga/ | MYLIFENEWSAGENCY |
| 10-Nov | Armizan: RM265m allocated for two price standardisation programmes for next year | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/09/armizan-rm265m-allocated-for-two-price-standardisation-programmes-for-next-year/101155 | MALAYMAIL |
| 10-Nov | Lebih 200 pegawai penguat kuasa pantau harga barang Deepavali di Sarawak | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/lebih-200-pegawai-penguat-kuasa-pantau-harga-barang-deepavali-di-sarawak/ | UM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Nov | 34 notis dikeluarkan kepada peniaga jual ayam harga tinggi | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/34-notis-dikeluarkan-kepada-peniaga-jual-ayam-harga-tinggi/ | UM |
| 10-Nov | Hampir 300 pegawai KPDN ditugaskan bagi memantau pelaksanaan SHMMP | https://suarasarawak.my/hampir-300-pegawai-kpdn-ditugaskan-bagi-memantau-pelaksanaan-shmmp/ | SUARASARAWAK |
| 10-Nov | 99 peratus peniaga ayam di Selangor patuhi harga, tiada aduan pengguna | https://selangorkini.my/2023/11/99-peratus-peniaga-ayam-di-selangor-patuhi-harga-tiada-aduan-pengguna/ | SELANGORKINI |
| 10-Nov | Harga ayam di Melaka RM5.99 sekilogram | https://malaysiagazette.com/2023/11/09/harga-ayam-di-melaka-rm5-99-sekilogram/ | MALAYSIAGAZETTE |
| 10-Nov | Harga ayam di Melaka RM5.99 sekilogram | https://www.google.com/amp/s/amp.utusanborneo.com.my/2023/11/09/deepavali-bekalan-lapan-barangan-kawalan-utama-di-sarawak-mencukupi | UMBORNEO |
| 10-Nov | Jualan Rahmah 'dekat' di hati rakyat | https://www.sinarharian.com.my/article/633814/berita/jualan-rahmah-dekat-di-hati-rakyat | SH |
| 10-Nov | Kilang madu disita salah guna logo halal | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/11/1175101/kilang-madu-disita-salah-guna-logo-halal | BH |
| 10-Nov | Premis keluar produk madu dikesan guna sijil halal tanpa kebenaran | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/premis-keluar-produk-madu-dikesan-guna-sijil-halal-tanpa-kebenaran/ | UM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Nov | Cooking oil smuggling bid foiled | https://www.dailyexpress.com.my/news/223189/cooking-oil-smuggling-bid-foiled-/ | DAILYEXPRESS |
| 10-Nov | Onion supply in market sufficient – Fuziah | https://themalaysianreserve.com/2023/11/09/onion-supply-in-market-sufficient-fuziah/ | THEMALAYSIANRESERVE |
| 10-Nov | Keep to Deepavali price control for listed items, Fuziah to traders | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/09/keep-to-deepavali-price-control-for-listed-items-fuziah-to-traders | THESTAR |
| 10-Nov | Enough onions on the market for now, says Deputy Minister | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/09/enough-onions-on-the-market-for-now-says-deputy-minister | THESTAR |
| 10-Nov | Bekalan bawang di pasaran cukup - Fuziah | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-bawang-di-pasaran-cukup-fuziah-445403%3famp=1 | ASTROAWANI |
| 10-Nov | Bekalan bawang masih mencukupi | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1175266/bekalan-bawang-masih-mencukupi | BH |
| 10-Nov | Bekalan bawang di pasaran cukup - Fuziah | https://www.sinarharian.com.my/article/633858/berita/nasional/bekalan-bawang-di-pasaran-cukup---fuziah | SH |
| 10-Nov | Bekalan bawang di pasaran cukup - Fuziah | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2243159 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Nov | Bekalan bawang cukup- Fuziah | https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/bekalan-bawang-cukup-fuziah | BERITARTM |
| 10-Nov | Bekalan bawang di pasaran cukup – Fuziah | https://selangorkini.my/2023/11/bekalan-bawang-di-pasaran-cukup-fuziah/ | SELANGORKINI |
| 10-Nov | Lebih 3,000 pegawai KPDN pantau harga seluruh negara | https://youtu.be/B3C0XeI8ybw?si=3Wiy9YXI_2eO1II7 | SH |
| 10-Nov | KPDN Sarawak assures sufficient supply of eight controlled items for Deepavali | https://www.theborneopost.com/2023/11/09/kpdn-sarawak-assures-sufficient-supply-of-eight-controlled-items-for-deepavali/ | THEBORNEOPOST |
| 10-Nov | Harga ayam di Kedah dijangka kekal sempena Deepavali | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/harga-ayam-di-kedah-dijangka-kekal-sempena-deepavali/ | UM |
| 10-Nov | Terengganu Domestic Trade Ministry issues 34 notices to chicken sellers | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/09/terengganu-domestic-trade-ministry-issues-34-notices-to-chicken-sellers/101224 | MALAYMAIL |
| 10-Nov | Harga ayam sekitar RM5 di Melaka - KPDN | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1175132/harga-ayam-sekitar-rm5-di-melaka-kpdn | BH |
| 10-Nov | KPDN jangka tiada kenaikan harga ayam di Kedah menjelang Deepavali | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2243103 | BERNAMA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Nov | Melaka KPDN branch records 306 cases as of November 7; seizures worth RM1.66 million | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/976701/melaka-kpdn-branch-records-306-cases-november-7-seizures-worth-rm166 | NST |
| 10-Nov | 9 NOV 2023 - BW - NILAI RAMPASAN KPDN MELAKA RM1.7 JUTA: BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA 7 NOVEMBER LALU | https://youtu.be/GR4y_wkGK5A?si=mFxDnZOPB0wnzH95 | SH |
| 10-Nov | Tidak berlaku kenaikan mendadak harga ayam di pasaran | https://www.sinarharian.com.my/article/633882/video/berita-semasa-video/tidak-berlaku-kenaikan-mendadak-harga-ayam-di-pasaran | SH |
| 10-Nov | Program Jualan Rahmah di Perak catat jualan lebih RM8.5 juta | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2243200 | BERNAMA |
| 10-Nov | 420,000 rakyat Perak terima manfaat Program Jualan Rahmah | https://mgperak.com/420000-rakyat-perak-terima-manfaat-program-jualan-rahmah/ | MGPERAK |
| 10-Nov | | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/09/johor-kpdn-completes-investigation-on-roadside-restaurant-that-charged-rm1200-for-a-meal | THESTAR |
| 10-Nov | KPDN Johor serah kertas siasatan kes restoran makanan laut kepada pendakwa raya | https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1175238/kpdn-johor-serah-kertas-siasatan-kes-restoran-makanan-laut-kepada | BH |
| 10-Nov | KPDN serah kertas siasatan kes restoran makanan laut kepada pendakwa raya | https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serah-kertas-siasatan-kes-restoran-makanan-laut-kepada-pendakwa-raya-445410%3famp=1 | ASTROAWANI |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Nov | Melaka KPDN branch records 306 cases as of November 7; seizures worth RM1.66 million | https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/11/976701/melaka-kpdn-branch-records-306-cases-november-7-seizures-worth-rm166 | NST |
| 10-Nov | KPDN Terengganu keluar notis jual ayam terlalu mahal | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2243130 | BERNAMA |
| 10-Nov | Domestic Trade Ministry appoints 39 wholesalers, 66 retailers to face north-east monsoon in Kelantan | https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/09/domestic-trade-ministry-appoints-39-wholesalers-66-retailers-to-face-north-east-monsoon-in-kelantan/101218 | MALAYMAIL |
| 10-Nov | KPDN Kelantan lantik 105 pemborong, peruncit pastikan belakan cukup sepanjang tengkujuh | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/kpdn-kelantan-lantik-105-pemborong-peruncit-pastikan-belakan-cukup-sepanjang-tengkujuh/ | UM |
| 10-Nov | KPDN Sandakan rampas ayam, itik sejuk disimpan bersama daging babi | https://www.kosmo.com.my/2023/11/09/kpdn-sandakan-rampas-ayam-itik-sejuk-disimpan-bersama-daging-babi/ | KOSMO |
| 10-Nov | Op Tiris: Sindiket penyelewengan diesel bersubsidi bot nelayan tumpas | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/op-tiris-sindiket-penyelewengan-diesel-bersubsidi-bot-nelayan-tumpas-445447 | ASTROAWANI |
| 10-Nov | Perak enforcement officers seize 4,600l of subsidised diesel from Pangkor jetty | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/09/perak-enforcement-officers-seize-4600l-of-subsidised-diesel-from-pangkor-jetty | THESTAR |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT